

**TEKS UCAPAN YAB PERDANA MENTERI : SESI TOWNHALL  
PERSATUAN PERKHIDMATAN TADBIR DAN DIPLOMATIK  
(PPTD)**

By : DATO' SERI ANWAR IBRAHIM

Date : 25/04/2024

---

**TEKS UCAPAN**

**YAB DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM**

**PERDANA MENTERI**

**SEMPENA**

**SESI TOWNHALL**

**PERSATUAN PERKHIDMATAN TADBIR DAN DIPLOMATIK  
(PPTD)**

**25 APRIL 2024 | 3.00 PETANG**

**PUTRAJAYA INTERNATIONAL CONVENTION CENTRE (PICC)**

**PUTRAJAYA**

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera.

*Alhamdulillahillazee anzala 'alaa abdihil kitaaba walam yaj'al lahuu 'iwajaa.*

*Wa Nusalli Ala Rasoolilah Kareem Wa 'ala alihi wasahbihi ajma'in*

**YBhg. Tan Sri Dato' Seri Mohd Zuki bin Ali**

Ketua Setiausaha Negara

**Datuk Seri Wan Ahmad Dahlan Abdul Aziz**

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam

Tan Sri Abdul Halim Ali

Presiden PPTD dan seluruh Jawatankuasa

Rakan-rakan yang saya muliakan.

1. Saya ucap terima kasih kepada Presiden PPTD, YBhg. Datuk Seri Isham Ishak dan jawatankuasa yang telah memberikan kesempatan untuk bersama-sama menyampaikan sedikit pandangan dan sebentar nanti mendengar teguran dan cadangan rakan-rakan. Oleh kerana kita masih dalam bulan Syawal, kita masih menyambut Aidilfitri. Agak janggal Aidilfitri itu Hari Raya, satu hari, tetapi kita satu bulan dan ini hanya tradisi di rantau Melayu, tidak di India, Pakistan mahupun Afrika.

2. Tidak ada salahnya, tetapi satu yang unik yang saya sebut dalam ucapan Hari Raya Aidilfitri ialah hanya dalam budaya Melayu Islam ada 'maaf zahir batin'. Kalau Arab disebut minal 'aidin wal faizin wal mazbullin wal maghfurin wa kullu 'am wa antum bikhair. Ucap selamat dan baik untuk semua, tetapi kita ada maaf dan ditambah zahir dan batin. Penuh semangat, silaturrahim, tawaduk, humility dalam apa juga kaedah dan cara kerana kadang-kadang kita ada keterlanjuran, kekasaran, kesilapan dan kita mohon maaf supaya kita dapat tingkat jalinan ukhuwah itu dengan lebih bermakna lagi.

3. Ini merupakan keistimewaan ulamak kita zaman silam yang membawa tradisi maaf zahir batin. Ini juga ada kaitan dengan Ramadan yang kita sebut Madrasah Ramadan. Kerana ramadan itu kesempatan kita mengangkat darjat laalakun tatakun, ibadah kita, keimanan kita, kerohanian kita, akhlak kita, nilai kita, keinsanan kita dan ihsan kepada golongan kurang bernasib baik. Mudah-mudahan dengan Madrasah Ramadan yang kita lalui itu dapat kita gunakan kesempatan untuk meningkatkan mutu kehidupan, amalan dan integriti kita.

4. Perkara ini selari dengan semangat dalam PTD. Soal pertanggungjawaban, soal integriti, soal amanah, itu sebatik dalam tradisi dan budaya yang mahu dihidupkan dalam PTD. Saya ada sedikit pengalaman dulu dan sekarang, yang diamanahkan untuk menerajui negara dengan warisan pelbagai masalah. Defisit yang tinggi dan beberapa ciri budaya yang menghampakan. Termasuk apa yang disebut budaya rasuah, yang hampir menjadi sistemik dalam sistem hidup kita. Sebab itu dari awal saya memilih untuk bincang hati ke hati bersama dengan kepimpinan perkhidmatan awam, iaitu KSN, KPPA, KSP, KSU-KSU, dan KP-KP. Saya tidak fikir munasabah dan mungkin perubahan ini berlaku atau anjakan ini berlaku kerana komitmen dan dukungan penuh PTD dan saya ambil kesempatan pada hari ini dan ucapkan penghargaan terima kasih. Kalau tanya saya selaku Perdana Menteri dan menteri walaupun sedikit sebanyak masalah tidak dapat kita sangkal, tetapi saya bernasib baik kerana saya masih mendapat kerjasama penuh dari PTD.

5. Saudara-saudari, bila saya tanya KSN dan Datuk Seri Isham, hendak cakap apa kepada PTD? ditakuti silap, sama ada dia bersungguh atau dia sindir saya, tidak tahu, dia kata, “cakap terus terang”, jadi saya berfikir selama ini saya tidak terus terang. Dia kata maksudnya bercakap mengenai MADANI, falsafah, konsep, soal Malik bin Nabi, soal Ibn Khaldun, dia kata itu tidak payah. Ingat dia sindir saya, saya tak tahu.

6. Penerimaan saudara kepada MADANI ini sangat penting, sangat kritikal. We make or break dan saya yakin, maaf kalau saya silap bahawa dalam sejarah negara dan tamadun manusia, ada zaman pasang surutnya. Ada ketikanya when you have to seize the moment that is this opportunity

to undertake some measures to depart from obsolete idea and practise dan saya fikir ini kesempatan terbaik. Iaitu kita ambil langkah yang berani, tidak semestinya popular, tidak semestinya difahami tetapi ia memerlukan tekad politik dan komitmen perkhidmatan awam sepenuhnya. Saya mahu negara ini menjadi hebat dan megah. Saya mahu diangkat martabat rakyat. Saya mahu gunakan seluruh kekuatan yang ada, tinggalkan amalan bobrok, curang dari pimpinan dahulu. Kita kena tekad, seluruh jentera sebagai satu gerakan masa depan untuk bawa perubahan, dan percayalah saya yakin kalau kita pertahankan satu, dua, tiga tahun ini dengan semangat ini kita boleh merubah corak Malaysia sebagai sebuah negara hebat.

7. Hari ini saya bercakap dari hati ke hati. Saya tidak peduli orang hendak maki hamun saya. Kerana saya tahu perubahan yang dibuat itu drastik, hendak menentang rasuah. Bunyinya senang, semua sokong, tetapi apabila kita bertindak, ramai yang bantah. Kerana perasuah-perasuah besar itu jaringannya kuat, dana besar, pengaruhnya ada. Bukan sekadar rasuah koperal, terus kepada yang besar, apa saya tidak tahu? saya tahu. Tetapi begitu sukar untuk melaksanakan perubahan ini. Saya juga rasa aneh, kita semua berbicara soal budaya Melayu, budaya Malaysia, agama Islam dan akhlak, tetapi bila kita ambil tindakan, tidak semudah itu. Adakah mudah berundur daripada tindakan untuk menghentikan amalan bobrok ini atau kita harus harungi terus.

8. Pada hari ini saya ulangi ketegasan. Saya tidak akan bertolak ansur. Sekali-sekala kita dengar cerita-cerita Imigresen, Kastam, penjawat awam, dan juga bahagian zakat, ada kecurangan. Tetapi ini gerombolan kecil, yang

majoriti masih waras, masih punyai nilai, ada semangat yang disebut MADANI. Justeru jangan izinkan dia mencemarkan imej kita.

9. Saudara, negara ini tidak akan menjadi atau mencatat kejayaan setahap ini, sekiranya tidak dengan komitmen kita, kalau tidak dengan tradisi dan budaya PTD yang ada dari merdeka sampai sekarang, itu kenyataan. Kelompok kecil yang curang ini perlu dibanteras.

10. Sebab itu apabila ada sedikit krisis dan kontroversi Imigresen. Saya terus ke sana pertahankan yang majoriti. Kerana saya tidak mahu imej kita tercalar, sepertimana juga saudara kata, orang politik ini budayanya rasuah, mana ada orang politik yang tidak rasuah. Mana Menteri Kewangan yang tidak pandai curi duit. Bodohlah namanya, mana Perdana Menteri yang tidak memungghah kekayaan bagi kepada anak isteri dia, bahlul dia.

11. Tetapi kita harus buktikan. Ini kenyataan palsu, tidak terpakai untuk semua. Saya sudah harungi hidup penuh liku dan kepedihan, Azizah dan anak-anak. Tetapi saya fikir setelah agak lama bertarung akhirnya diberi kesempatan dan amanah dengan izin Allah SWT. Maka saya kata buatlah sebaik mungkin. Janganlah fikir soal kesenangan peribadi dan kekayaan, fikirilah hal rakyat.

12. Bagi saya ini kesempatan, walaupun ada keterbatasan, ada masalah-masalah dalaman, ini kesempatan terbaik untuk kita lakukan anjakan dan perubahan. Itu mukadimah saya. Antara langkah awal saya, sebaik lantik Jemaah Menteri, saya beritahu kepada KSN Tan Sri Zuki, pastikan semua lantikan SUSK itu dari PTD, saya tidak mahu dari parti politik. Tidak mudah kerana untuk berhenti yang sudah biasa dengan lantikan orang politik, senang dan dia kenal lama.

13. Tetapi saya fikir itu keputusan baik sebab saya hendak bagi signal yang jelas. Bahawa pentadbiran di bawah Anwar harus bermula dengan satu pendirian akan bekerjasama rapat dan bersinergi dengan PTD. KPPA ada, apa cadangan saya? saya kata selama ini kita guna banyak konsultan. Seingat saya dulu-dulu tidak begitu banyak konsultan. Keputusan-keputusan besar itu dilakukan oleh penjawat awam. Jadi mengapa terlalu berserah kepada konsultan. Saya tidak kata tidak boleh, ada ketika. Jadi apa langkah kita ambil, saya kata sediakan dana. Pertambahan RM200 juta. RM200 juta merupakan tambahan untuk beri ruang kepada penjawat awam dari kalangan lebih muda, beri latihan sama ada disiplin khusus di universiti, masters, PhD ataupun short courses disiplin-disiplin baharu, isu transisi tenaga ataupun transformasi digital atau pelan perindustrian. Ambillah dan kenal pasti dalam kalangan penjawat awam yang ada berapa tahun lagi peluang berkhidmat, beri dia latihan, bagi dia kemudahan dan bila dia balik dia akan menjadi konsultan dalam jabatan kerajaan dan tidak perlu guna orang dari luar.

14. Ini merupakan satu trend baru saudara-saudari dan harus kita manfaatkan. Saya hendak saudara-saudari tahu bahawa saya serius, apa

sahaja yang mungkin kita lakukan, yang harus kita lakukan, saya lakukan. Tidak mudah, ada yang senang, ada yang kurang senang bukan sahaja dalam PTD, tetapi dalam pimpinan politik, baik kerajaan atau pembangkang kerana orang sudah biasa dengan konsultan. Selain itu, saya kena umumkan dalam masa yang singkat ini Sistem Persaraan. Memang saya ditegur, katanya Anwar bukankah ada defisit dan diperkatakan hutang negara banyak, mengapa diberi satu perhatian khusus kepada penjawat awam, sedangkan kita ada masalah petani, nelayan, pekerja. Saya kata benar tetapi dia bekerja dengan kita. Mereka ini petugas-petugas kerajaan. Kita berikan tambahan dan kita lebih strict dalam pengawasan dan kita boleh keras dalam tindakan, tetapi 12 tahun tidak diberi perhatian dalam Sistem Persaraan.

15. Jadi saya jawab kalau rakan-rakan saya dalam Jemaah Menteri dan di luar mengatakan saya tidak ada pilihan. Soal conscious saya hendak saudara berikan your best. Saya mesti iktiraf sumbangan saudara dan berikan suatu Sistem Persaraan yang lebih adil. Tidak semestinya kita abaikan, orang kata dia bimbang kalau kita sebut ini bagaimana petani? Saudara, sudah bertambah sumbangan kepada petani bersama STR sekarang sudah RM10 bilion, SARA, miskin kita bantu, noktah kemiskinan sudah hampir 6 negeri sekarang. Bukan kita abaikan, dan setiap kali saya umumkan termasuk baru-baru ini tambahan RM2000. Sepatutnya syarikat-syarikat kerajaan dan syarikat-syarikat swasta termasuk bank yang mempunyai keuntungan harus ikut tindakan yang diambil oleh kerajaan.

16. Saudara-saudara, penjawat awam tidak boleh disamakan dengan lain. Sebab saudara-saudara itu adalah di bawah tanggungjawab kita secara

langsung. Bekerja mengikut jabatan, dengan peraturan, dengan undang-undang dengan segala bentuk disiplin dan kawalan di bawah kerajaan. Jadi saya hendak beri ingatan kepada kelompok-kelompok di luar termasuk pembangkang jangan main isu ini. Kerana selama 12 tahun tidak ada semakan, bukan tidak ada perhatian ada, tetapi tidak ada kajian Sistem Persaraan yang sepatutnya berlaku setiap 10 tahun. Maknanya tahun kelapan perlu ada kajian.

17. Jadi kita akan membuat sedikit penjelasan semasa sambutan Hari Pekerja. Tetapi percayalah bahawa sistem ini di antara yang terbaik yang pernah diperkenalkan oleh kerajaan. Sementara itu, implikasi kewangan juga tinggi. Tertinggi yang pernah kita lakukan sebelum ini dan ini bukan masalah saudara. Masalah kita semua untuk cari dana lebih tetapi ini masalah Menteri Kewangan dan saya akan berunding dengan Menteri Kewangan. Ini tentang mengapa memilih untuk hal ini. Saya hendak saudara percaya bahawa saya tidak anggap ini perkara ringan atau enteng. Tidak benar kalau mengatakan kita tidak diberi perhatian.

18. Dalam mesyuarat bersama-sama KSN, KPPA, KSP saya tekankan saya tidak mahu satu jabatan atau satu kelompok merasa mereka tertinggal atau tersisih. Kita mahu ambil tindakan terhadap Sistem Persaraan ini secara menyeluruh termasuklah melakukan Civil Service Reform. Apabila diminta terus terang saya terus terang. Kita juga mengharapkan prestasi lebih baik, kerja lebih serius dan ketua-ketua jabatan perlu pantau. Kerana dalam kelompok yang besar, ada yang malas, ada yang berprestasi lemah dan saya tidak fikir orang yang malas dan berprestasi lemah dalam perkhidmatan awam harus diberi kenaikan pangkat.

19. Segala kemudahan-kemudahan, termasuk kemudahan Sabah Sarawak ke Semenanjung yang diberi sebagai satu peraturan biasa perlu dikaji semula. Kita beri kemudahan, tetapi kita pilih dan nilai prestasi masing-masing. Kalau sudah memang teruk dan lembab serta malas, saya tidak fikir kita harus berikan pengiktirafan. Mengambil langkah ini agak kurang popular, justeru saya minta nanti KPPA dan jentera bincang bersama. Mesyuarat yang dipengerusikan oleh Tan Sri Halim ataupun PPTD serta beberapa kelompok lain untuk beri pandangan dan kita dengar, kita ubahsuai. Saya tekankan bahawa Civil Service Reform dari erti kata tidak melayani dan mengiktiraf kalangan kecil yang prestasinya sangat lemah.

20. Saudara-saudara, kalau kita hendak angkat martabat negara kita. Kita hendaklah lebih efisien, penilaian orang adalah dari segi prestasi. Kita tidak boleh anggap orang itu wajar mendapat pengiktirafan semata-mata kerana umurnya atau lama perkhidmatannya. Jadi, ini di antara perkara yang walaupun berlaku tetapi saya hendak lakukannya lebih tegas dan keras lagi sesuai dengan tahap penilaian dan pengiktirafan yang telah ditetapkan. Setakat ini saya teliti, saya tegaskan semula, kajian ini dan sistem persaraan ini punyai implikasi kewangan, tetapi merupakan salah satu bentuk pengiktirafan yang terbaik yang pernah diperkenalkan dalam negara kita.

21. Sejajar dengan keputusan yang kita lakukan ini, saya hendak ungkapkan juga bahawa saya tidak mahu tolak ansur terhadap sistem perolehan. Pastikan tidak ada rundingan terus, sebab apa? terlalu banyak

kebocoran. Tender pun masih ada ruang untuk tiris. Harus kawal, pastikan kita teliti setiap fail, sekiranya ada kebocoran, kita kena hentikan.

22. Kita kena teliti semula, contoh Kementerian Kesihatan, sistem perolehan ubat-ubatan; stok formal dan inventori di tentera; dan inventori di JKR. Bagaimana kita hendak pengiktirafan dengan implikasi kenaikan gaji dan elaun puluh bilion, sedangkan kita masih mengekalkan amalan lama dan ketirisan.

23. Saudara, kalau mahu saya iktiraf saudara, saudara kena fikir outside the box. Yes, there are rules, there are procedures, but you are smart. Saudara ada experiences yang lama, sudah lihat perkembangan-perkembangan negara lain, saudara berikan pandangan kepada KSN, adakan perbincangan. Saya sendiri, insha-Allah akan terus adakan perbincangan dengan KSU dan KP, 2 bulan 3 bulan sekali untuk tengok. Tidak ada protokol, tidak ada yang amat berhormat di situ, hanya saudara saudari untuk memperbaiki prestasi kerajaan. Hal ini sangat penting bagi saya kerana ada kaitan dengan tatakelola.

24. Keduanya, dasar-dasar baru. Transisi Tenaga dan Transformasi Digital ini baharu. Tapi kalau kita fikir dalam konteks kerangka lama, ia tidak jalan. Hendak tunggu, hendak bawa perubahan dasar Transisi Tenaga kena tunggu setahun. Kita buat KL20, itu di antara program yang sangat berjaya. Saya harap supaya ditubuhkan fakulti AI di UTM. Kemudian kebetulan ada seorang pakar yang hadir KL20, saya panggil dan minta dia

datang ke pejabat. Saya panggil Menteri, KSU, Rektor, dan Profesor berkenaan, what do mean by AI, what do you mean by AI training? What do you require? what perticular discipline? what particular expertise is required? Dia beritahu, kita dengar.

25. New system is not the philosophy and that's sociology teori yang saya belajar itu. Perkembang baru kita kena tengok. Kebiasaannya fakulti yang ingin buat pengenalan atau disiplin baharu atau jabatan baharu yang hendak diperkenalkan di universiti memerlukan satu tahun. Tetapi saya ucap tahniah kerana Kementerian Pendidikan Tinggi terutama UTM, saya umum November, Februari sudah siap dilancarkan. Maknanya, we can! kita boleh pecahkan tembok-tembok halangan sistem lama ini. Baik perolehan, baik dasar baru.

26. Kemudian dia kata AI ini memerlukan ekosistem. Saya tanya dia what do you mean by ecosystem? dia sebut di antara lain ialah mula dari bawah, iaitu perlu bermula di Kementerian Pendidikan. Hal ini kerana minat sains dan matematik sudah merosot. Kemudian baharulah ditangani oleh Kementerian Pendidikan Tinggi. Kita kekurangan bidang kejuruteraan, kurang jurutera 30,000 orang. Dia kata kalau hendak jadi AI, don't talk about AI in schools, talk about maths and science sebagai asas. Talk about AI in universities, produce enough engineers because only qualified engineers can excel in AI, particularly in terms of design.

27. Now, kalau kita anggap pendidikan dengan pendekatan lama it will not work. Kalau universiti dengan pendekatan lama, dia tidak boleh berjalan, tidak berhasil dan ini yang saya perlukan. Kita bincang, kita dengar apa yang disampaikan oleh KSN dan KSU masing-masing dalam post-cabinet dan ada keputusan Jemaah Menteri. Kadang-kadang saya rasa lemas, saya bukan muda lagi. Patutnya saya lebih slow tapi saya lebih laju daripada umur 40an macam mana?.

28. Kerana kalau kita guna pendekatan lama percayalah we cannot succeed. Kita kata kita efisien, saya mesyuarat dengan kerajaan negeri Johor beberapa hari lalu, kelulusan tanah mereka kata dahulu mengambil masa setahun atau 8 bulan, sekarang kita cepatkan 3 bulan. Saya tanya kita hendak banding dengan siapa? banding dengan Somalia? Somalia 2 tahun, kita 3 bulan. Tapi kalau banding dengan Vietnam kalau tanah itu sudah tanah kerajaan allocated for the particular, they can approve the matter of two weeks. Jadi kita kalah kalau ada potentials investors, kalah kita. Ini sebagai contoh, inilah sebab mengapa saya katakan kepesatan atau kecepatan kelulusan itu sangat mendesak. Mana-mana keputusan yang dilakukan sekiranya saudara, KSU atau KP merasakan ini keputusan sangat tidak bijak dan merugikan, immediately segera bagi input.

29. Bila ada keputusan dasar dibuat ia mesti dijalankan. Penjawat awam mesti jalankan dasar ini. Kini, banyak dasar baharu, bukan baharu bagi saudara-saudara, tetapi baharu kepada saya. Ada keputusan yang perlu dilaksanakan dengan cepat. Di antara yang saya hendak gesa pada hari ini ialah kecepatan, kepesatan, dan pelaksanaan untuk menentukan dasar-dasar yang diumumkan berjalan pantas.

30. Tidak perlu umpamanya saya kena turun ke negeri-negeri. Perlu ada passion untuk menoktahkan kemiskinan di Pulau Pinang, negeri maju, pelaburan puluh bilion, tahap pendapatan rakyat relatif negeri ketimbang dengan negeri lain jauh lebih tinggi. Malah orang melayu Pulau Pinang relatif pendapatannya jauh lebih tinggi dari Melayu-Melayu negeri lain. Tetapi masih ada sekitar 2000 orang yang miskin tegar. Jadi saya beritahu kepada Ketua Menteri saya kata, no excuse, i want this to be completed by this month. Kenapa kita adakan kapasiti, takkanlah tidak boleh selesai 2000 orang miskin tegar, tahun depan ditambah lagi, itu soal lain lah.

31. Kita ada upaya, jadi prinsip itu saya gunakan di setiap negeri sekarang. Saya sentuh berhubung gerai-gerai penjaja, kita makan di tempat yang wangi dan indah kita makan di restoran dengan hidangan yang baik. Tetapi 80 peratus rakyat kita pergi ke warung, gerai-gerai kecil. Jadi mengapa Malaysia hendak diangkat martabat sebagai negara MADANI hebat, sedangkan gerai-gerai ini kita biarkan busuk dan daif. Jadi saya kata Kuala Lumpur harus berubah, tumpu pembangunan. Dia tidak terlalu banyak modal. Jadi saya hendak immediate action.

32. Saya tidak mahu terkenal dengan gedung-gedung dan mercu tanda, sudah cukup. Saya hendak terkenal dengan manusia dan rakyat yang bahagia dengan peningkatan pendapatan mereka. Kalau esok kita ditakdirkan dengan pendapat melimpah berbilion, buatlah bangunan tinggi. Tetapi sekarang kita jaga kepentingan rakyat di bawah. Untuk PPTD, hari ini kita luluskan RM2 juta.

Sekian, wassalammualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

**Copyright of the Prime Minister's Office Official Website**

Source: <https://www.pmo.gov.my/2024/04/teks-ucapan-yab-perdana-menteri-sesi-townhall-persatuan-perkhidmatan-tadbir-dan-diplomatik-pptd/>